

Jangan pilih mata pelajaran mudah: PM

KUALA LUMPUR, Selasa — Pelajar patut mengikis sikap suka memilih mata pelajaran 'mudah' kerana ia tidak dapat menyumbang kepada pertumbuhan perindustrian negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, beliau menegur sikap ibu bapa yang membiarkan anak-anak mereka memilih mata pelajaran yang dianggap mudah seperti sastera serta enggan mencuba mata pelajaran lebih menantang seperti teknikal, vokasional dan sains.

Beliau berkata, sepatutnya ibu bapa memastikan anak-anak mereka sanggup mengambil mata pelajaran teknikal dan vokasional, selaras dengan usaha kerajaan ke arah perindustrian negara.

"Dulu dalam sistem pendidikan, kita tekankan kepada mata pelajaran menulis, membaca dan mengira. Memang kita memerlukannya tetapi

mata pelajaran itu tidak dapat membantu proses perindustrian," katanya sewaktu berucap menutup Pertandingan Kemahiran Pertukangan Kebangsaan di sini, hari ini.

Menurutnya, negara memerlukan lebih ramai pekerja kolar biru yang mempunyai kecekapan pertukangan untuk menghadapi perkembangan perindustrian yang semakin pesat.

"Selalunya pekerja kolar biru dipandang rendah. Masanya sudah tiba untuk kita menilai semula fungsi pekerja kolar biru yang banyak membantu membangunkan negara," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir meminta sektor swasta memberi penilaian yang baik terhadap pekerja kolar biru kerana ia dapat menggalakkan mereka meningkatkan produktiviti bagi membolehkan keluaran negara bersaing di pasaran antarabangsa.

"Pekerja Malaysia mudah dilatih. Hari ini pekerja kita dapat melakukan apa sahaja jika dilatih serta diberi peluang untuk melakukan tugas berkali-kali," katanya.

Menurutnya, pekerja kolar biru hanya perlu mendisiplinkan diri, membendung perasaan dan menolak dorongan lain untuk membolehkan mereka dapat menghasilkan keluaran bermutu.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan kini menumpukan kepada usaha meningkatkan kemahiran kerana perkembangan semasa menunjukkan negara Dunia Ketiga mengalami kemiskinan kerana menghadapi masalah kurang kecekapan dan kepakaran.

"Lebih memburukkan keadaan ialah apabila negara miskin terbabit tidak mahu pula mempelajari bidang kecekapan dan kepakaran yang diperlukan itu," katanya.

ore